

**Tajuk** : **Pernikahan dengan Perempuan Kitabiah-2**

---

Kategori: **Munakahat**

Tahun: **1977**

Status Pewartaan: **N/A**

Negeri: **N/A**

---

**Keputusan** : Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-14 yang bersidang pada **14 Jul 1977** telah membincangkan Pernikahan dengan Perempuan Kitabiah. Persidangan telah memutuskan bahawa takrif Kafir Kitabi ialah orang Yahudi atau Nasrani:

1. Yang berketurunan Nabi Yaakub a.s., jika tidak diketahui datuk neneknya memeluk agama itu selepas dinasahkan (dibatalkan) oleh agama yang berikutnya seperti agama Yahudi dinasahkan oleh agama Nasrani dan agama Nasrani dinasahkan oleh agama Islam; atau
2. Yang bukan berketurunan Nabi Yaakub a.s., jika diketahui datuk neneknya memeluk agama itu sebelum dinasahkan.

Hukumnya halal nikah dengan perempuan Kafir Kitabi seperti di atas. Adapun perempuan Yahudi atau Nasrani yang bukan Kitabi seperti yang disebutkan di atas adalah haram.



[Klik disini untuk mencetak](#)